

Novel Jalan ke Puncak [Pengajaran]

Padankan yang sesuai.

1	Contohnya, Mail sentiasa mengambil berat terhadap projek yang diusahakan oleh Laiman.
2	Contohnya, Laiman gigih berusaha dan bekerja keras untuk memastikan segala projeknya berjaya.
3	Contohnya, Pak Kiassim insaf setelah dia mengetahui Laiman bercita-cita tinggi untuk menjadi usahawan.
4	Contohnya, Laiman tidak menunjukkan sikap marah terhadap Pak Sahok walaupun beliau tidak membenarkan Laiman memulakan projek ternakan ikan air tawar berhampiran dengan tanahnya.
5	Contohnya, Laiman menunjukkan akaun simpanan projeknya kepada Milan untuk membuktikan bahawa dia jujur dalam hal kewangan.
6	Contohnya, Laiman bersyukur kerana projek ternakan ikan air tawar akan dijadikan projek contoh di daerah Kusilad, Sabah.
7	Contohnya, Laiman menerima keputusan Kedek dan Muali untuk membuka perusahaan sendiri dengan hati terbuka.

Kita patutlah menerima keputusan orang lain dengan hati terbuka.

Kita haruslah insaf setelah melakukan kesilapan.

Kita wajarlah hormat kepada orang tua.

Kita hendaklah bersyukur dengan kejayaan yang kita peroleh.

Kita patutlah prihatin terhadap anggota keluarga.

Kita mestilah bersikap jujur dengan rakan sekerja.

Kita hendaklah gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.